

Keputusan Mesyuarat JK Kelulusan Subsidi bil 2/2022 pada 1 April 2022

1. Mesyuarat menetapkan syarat penggunaan akaun bank Agrobank bermula 1 April bagi permohonan baru. Semua pemohon perlu menggunakan akaun Agrobank. Pembukaan akaun Agrobank tidak memerlukan sebarang wang pendahuluan (deposit). Boleh buka akaun tersebut di mana-mana cawangan Agrobank yang terdekat.
2. Kepada pihak integrator yang ingin membuat tuntutan, dokumen pembelian/pengambilan ayam dari penternak kontrak boleh digunakan sebagai bukti transaksi jual/beli ayam bagi tuntutan pihak integrator sebagai dokumen sokongan tambahan. Pengiraan subsidi berdasarkan jumlah dan berat ayam yang diambil dari penternak kontrak. Namun begitu, dokumen invoice jualan ayam kepada pihak lain juga perlu dilampirkan bersama.
3. Keputusan kerajaan Melaka mengenai lesen bagi penternak ayam yang mengamalkan sistem reban terbuka telah diberi kepada 5 ladang bermula bulan Mac. Tuntutan subsidi boleh dibuat selepas tarikh kelulusan lesen.
4. Perkiraan subsidi hanya berdasarkan jumlah kapasiti ayam yang tercatat pada lesen sahaja walaupun tuntutan melebihi kapasiti tersebut.